



4 Julai 2025
4 July 2025
P.U. (B) 260

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN
DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT
PRODUK GULUNGAN RATA BESI ALOI ATAU KELULI BUKAN
ALOI, DISADUR ATAU DISALUT DENGAN ZINK, MENGGUNAKAN
PROSES CELUPAN PANAS (GEGELUNG/KEPINGAN BESI
BERGALVANI ATAU GEGELUNG/KEPINGAN KELULI
BERGALVANI) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA, REPUBLIK KOREA DAN
REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

*NOTICE OF AFFIRMATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF
AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO
IMPORTS OF FLAT-ROLLED PRODUCTS OF IRON ALLOY OR
NON-ALLOY STEEL, PLATED OR COATED WITH ZINC, USING HOT
DIP PROCESS (GALVANISED IRON COILS/SHEETS OR
GALVANISED STEEL COILS/SHEETS) ORIGINATED OR EXPORTED
FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA, THE REPUBLIC OF
KOREA AND THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT PRODUK GULUNGAN RATA BESI ALOI ATAU KELULI BUKAN ALOI, DISADUR ATAU DISALUT DENGAN ZINK, MENGGUNAKAN PROSES CELUPAN PANAS (GEGELUNG/KEPINGAN BESI BERGALVANI ATAU GEGELUNG/KEPINGAN KELULI BERGALVANI) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA, REPUBLIK KOREA DAN REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(AD 01/25)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(3) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 12 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat penentuan awal bahawa—

- (a) suatu margin lambakan wujud bagi produk gulungan rata besi aloi atau keluli bukan aloi, disadur atau disalut dengan zink, menggunakan proses celupan panas (gegelung/kepingan besi bergalvani atau gegelung/kepingan keluli bergalvani) yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (“Kod H.S.”) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (“AHTN”) 7210.49.11 00, 7210.49.14 00, 7210.49.15 00, 7210.49.16 00, 7210.49.17 00, 7210.49.18 00, 7210.49.19 00, 7210.49.91 00, 7210.49.99 00, 7212.30.11 00, 7212.30.12 00, 7212.30.13 00, 7212.30.14 00, 7212.30.19 00, 7212.30.90 00, 7225.92.20 00, 7225.92.90 00, 7225.99.90 00, 7226.99.11 00, 7226.99.19 00, 7226.99.91 00 dan 7226.99.99 00 yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Viet Nam (“dagangan subjek”); dan
- (b) kemudahan didapati wujud kerana industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudahan material disebabkan oleh pengimportan dagangan subjek ke dalam Malaysia.

Sebab bagi penentuan awal afirmatif

2. Sebab bagi penentuan awal afirmatif adalah seperti yang berikut:

- (a) harga eksport dagangan subjek adalah kurang daripada nilai normalnya;
- (b) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudaratan material yang boleh dengan semunasabahnya dikaitkan dengan pengimportan dagangan subjek ke dalam Malaysia; dan
- (c) margin lambakan didapati wujud melalui kegiatan lambakan oleh pengeluar atau pengeksport dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Viet Nam sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Langkah sementara yang terpakai

3. Langkah sementara yang terpakai hendaklah dalam bentuk duti anti-lambakan sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Sebab bagi langkah sementara

4. Sebab bagi langkah sementara di bawah perenggan 3 adalah untuk mencegah kemudaratan yang ditanggung oleh industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa daripada berlaku secara berterusan semasa tempoh penyiasatan.

Tempoh bagi membuat penentuan muktamad

5. Penentuan muktamad berhubung dengan penyiasatan hendaklah dibuat dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari mulai 7 Julai 2025.

Rekod penyiasatan

6. Salinan rekod penyiasatan boleh didapati oleh orang awam dalam Sistem Pengurusan Penyiasatan Remedi Perdagangan (TRIMA), yang boleh diakses

di <https://traderemedies.miti.gov.my> dan sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada—

Seksyen Amalan Perdagangan
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
Aras 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Nombor telefon : (603) 6208 4639/4640/4642/4635

Nombor faksimile : (603) 6211 4429

Alamat e-mel : alltps@miti.gov.my

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF AFFIRMATIVE PRELIMINARY DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING
DUTY INVESTIGATION WITH REGARD TO IMPORTS OF FLAT-ROLLED PRODUCTS OF
IRON ALLOY OR NON-ALLOY STEEL, PLATED OR COATED WITH ZINC, USING HOT DIP
PROCESS (GALVANISED IRON COILS/SHEETS OR GALVANISED STEEL COILS/SHEETS)
ORIGINATED OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA,
THE REPUBLIC OF KOREA AND THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(AD 01/25)

IN exercise of the powers conferred by subsection 23(3) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and regulation 12 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], the Government has made a preliminary determination that —

- (a) a dumping margin exists with regard to the imports of flat-rolled products of iron alloy or non-alloy steel, plated or coated with zinc, using hot dip process (galvanised iron coils/sheets or galvanised steel coils/sheets) classified under the Harmonised System Code ("H.S. Code") and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature ("AHTN") 7210.49.11 00, 7210.49.14 00, 7210.49.15 00, 7210.49.16 00, 7210.49.17 00, 7210.49.18 00, 7210.49.19 00, 7210.49.91 00, 7210.49.99 00, 7212.30.11 00, 7212.30.12 00, 7212.30.13 00, 7212.30.14 00, 7212.30.19 00, 7212.30.90 00, 7225.92.20 00, 7225.92.90 00, 7225.99.90 00, 7226.99.11 00, 7226.99.19 00, 7226.99.91 00 and 7226.99.99 00 originated or exported from the People's Republic of China, the Republic of Korea and the Socialist Republic of Viet Nam ("subject merchandise"); and
- (b) an injury is found to exist because the domestic industry in Malaysia producing the like product has suffered material injury by reason of the importation of the subject merchandise into Malaysia.

Reasons for affirmative preliminary determination

2. The reasons for the affirmative preliminary determination are as follows:

- (a) the export price of the subject merchandise is less than its normal value;
- (b) the domestic industry in Malaysia producing the like product has suffered material injury that can be reasonably linked to the importation of the subject merchandise into Malaysia; and
- (c) dumping margin found to exist through the dumping activities by producers or exporters from the People's Republic of China, the Republic of Korea and the Socialist Republic of Viet Nam as specified in Schedule 1.

Provisional measures applicable

3. The provisional measures applicable shall take the form of provisional anti-dumping duties as specified in Schedule 2.

Reason for provisional measures

4. The reason for the provisional measures under paragraph 3 is to prevent the injury sustained by the domestic industry in Malaysia producing the like product from continuing to occur during the period of investigation.

Period for making final determination

5. A final determination in relation to the investigation shall be made within the period of one hundred and twenty (120) days from 7 July 2025.

Record of Investigation

6. A copy of the record of investigation is available to the public on the Trade Remedies Investigation Management System (TRIMA), which can be accessed at <https://traderemedies.miti.gov.my> and any request for clarification may be directed to—

Trade Practices Section
Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)
Level 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telephone number : (603) 6208 4639/4640/4642/4635
Facsimile number : (603) 6211 4429
E-mail address : alltps@miti.gov.my

JADUAL 1/*SCHEDULE 1*
[Perenggan 2/*Paragraph 2*]

KEGIATAN LAMBAKAN OLEH PENGELUAR ATAU PENGEKSORT/
DUMPING ACTIVITIES BY PRODUCERS OR EXPORTERS

Negara/ <i>Country</i>		Pengeluar/Pengeksport/ <i>Producer/Exporter</i>	Margin Lambakan/ <i>Dumping Margin</i>
Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic of China</i>	i.	Baoshan Iron & Steel Co., Ltd.	8.73%
	ii.	Baosteel Zhanjiang Iron & Steel Co., Ltd.	3.86%
	iii.	Beijing Shougang Cold Rolling Co., Ltd.	4.85%
	iv.	Fujian Kaijing Greentech Material Co., Ltd.	7.94%
	v.	Shougang Jingtang United Iron & Steel Co., Ltd.	14.85%
	vi.	Lain-lain/ <i>Others</i>	26.80%
Republik Korea/ <i>The Republic of Korea</i>	i.	Hyundai Steel Company	8.97%
	ii.	KG Dongbu Steel Co., Ltd.	16.06%
	iii.	POSCO Co., Ltd.	11.66%
	iv.	Lain-lain/ <i>Others</i>	31.47%
Republik Sosialis Viet Nam/ <i>The Socialist Republic of Viet Nam</i>	i.	China Steel and Nippon Steel Vietnam Joint Stock Company	18.86%
	ii.	Hoa Phat Steel Sheet Limited Liability Company	16.81%
	iii.	Hoa Sen Group	11.41%
	iv.	Nam Kim Steel Joint Stock Company	15.32%
	v.	Southern Steel Sheet Co., Ltd.	16.51%
	vi.	Tan Phuoc Khanh Trading and Manufacturing Coil Steel Joint Stock Company	57.90%

vii.	Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd.	35.81%
viii.	Ton Dong A Corporation	24.39%
ix.	TVP Steel Joint Stock Company	20.28%
x.	Lain-lain/ <i>Others</i>	57.90%

JADUAL 2/*SCHEDULE 2*
[Perenggan 3/*Paragraph 3*]

DUTI ANTI-LAMBAKAN SEMENTARA/
PROVISIONAL ANTI-DUMPING DUTIES

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar/Pengeksport/ <i>Producer/Exporter</i>	Kadar Duti (Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT))/ <i>Rate of Duty</i> [<i>Percentage (%) of</i> <i>the Cost, Insurance</i> <i>and Freight (CIF)</i> <i>Value</i>]
Republik Rakyat China/ <i>The People's</i> <i>Republic of</i> <i>China</i>	i. Baoshan Iron & Steel Co., Ltd.	8.73%
	ii. Baosteel Zhanjiang Iron & Steel Co., Ltd.	3.86%
	iii. Beijing Shougang Cold Rolling Co., Ltd.	4.85%
	iv. Fujian Kaijing Greentech Material Co., Ltd.	7.94%
	v. Shougang Jingtang United Iron & Steel Co., Ltd.	14.85%
	vi. Lain-lain/ <i>Others</i>	26.80%
Republik Korea/ <i>The Republic of</i> <i>Korea</i>	i. Hyundai Steel Company	8.97%
	ii. KG Dongbu Steel Co., Ltd.	16.06%
	iii. POSCO Co., Ltd.	11.66%
	iv. Lain-lain/ <i>Others</i>	31.47%

Republik Sosialis Viet Nam/ <i>The Socialist Republic of Viet Nam</i>	i.	China Steel and Nippon Steel Vietnam Joint Stock Company	18.86%
	ii.	Hoa Phat Steel Sheet Limited Liability Company	16.81%
	iii.	Hoa Sen Group	11.41%
	iv.	Nam Kim Steel Joint Stock Company	15.32%
	v.	Southern Steel Sheet Co., Ltd.	16.51%
	vi.	Tan Phuoc Khanh Trading and Manufacturing Coil Steel Joint Stock Company	57.90%
	vii.	Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd.	35.81%
	viii.	Ton Dong A Corporation	24.39%
	ix.	TVP Steel Joint Stock Company	20.28%
	x.	Lain-lain/ <i>Others</i>	57.90%

Bertarikh 30 Jun 2025

Dated 30 June 2025

[MITI.S.600-2/2/48; PN(PU2)529/JLD.34]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri/

Minister of Investment, Trade and Industry